

**TEKS UCAPAN
YB MENTERI KERJA RAYA
BAGI
MAJLIS ANUGERAH
PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2011
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

Assalamualaikum WBT

Selamat pagi dan salam Satu Malaysia.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

Y.Bhg. Datuk Himmat Singh

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Y. Bhg. Dato' Ir. Mohd Noor bin Yaakob

Ketua Pengarah Kerja Raya

Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

Y.Bhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin Abd Karim

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Y.Bhg. Dato' Ir. Haji Ismail bin Md Salleh

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Dato'-dato', Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya dapat saya bersama dengan warga Kerja Raya di dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kerja Raya bagi bulan Mei 2012. Apa yang lebih istimewa dan bermakna lagi, pada hari ini juga akan dilangsungkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi Tahun 2011 peringkat Kementerian Kerja Raya, Jabatan dan Agensi di bawahnya.

2. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas jemputan ini bagi menyampaikan ucapan dan seterusnya menyempurnakan Majlis APC pada pagi ini. Saya juga mengucapkan setinggi terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan warga Kerja Raya berkumpul dalam satu majlis yang amat bermakna pada pagi ini. Sesungguhnya kehadiran dan komitmen semua pada hari ini jelas menunjukkan bahawa kita adalah satu, bersama dalam memacu perjalanan Kementerian ini khususnya dan Kerajaan amnya dalam merealisasikan visi dan misi yang telah dipahat. Wadah pertemuan yang sebegini amatlah baik untuk dijadikan platform berinteraksi, menyampaikan amanat dan juga pengharapan kepada seluruh warga Kerja Raya. Ambillah peluang yang ada ini bagi kita berkongsi irama yang bukan hanya melentukkan, tapi penuh maksud dan pengisian agar ianya memenuhi selera

dan membangkitkan roh kerjasama yang erat sesama kita dalam melancarkan arus lebuhraya tugas kita.

3. Saya dimaklumkan bahawa seramai 900 orang penjawat awam pelbagai jawatan daripada Kementerian Kerja Raya (KKR), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), akan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi Tahun 2011. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua penerima pada pagi ini. Semoga anugerah yang akan diterima oleh tuan-tuan dan puan-puan akan menjadi pembakar semangat dan meningkatkan lagi motivasi diri untuk terus menyumbang bakti kepada perkhidmatan Kerajaan.

Hadirin yang dihormati sekalian

4. Sepanjang tempoh 5 bulan pertama tahun ini, sudah banyak program-program yang telah kita laksanakan. Saya rasa belum terlewat untuk saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada seluruh warga Kerja Raya terutamanya Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di atas kejayaan cemerlang penganjuran Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) iaitu pada 13-16 Februari 2012. Begitu juga dengan Jabatan Kerja Raya Malaysia di atas penyempurnaan

Majlis Perasmian Kuarters Kakitangan JKR Batu 4 ½ Sungai Besi pada 18 Februari 2012 yang lalu. Kedua-dua majlis tersebut telah dirasmikan sendiri oleh YAB. Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Program-program ini telah berlangsung dengan jayanya dan telah mendapat pujian daripada YAB. Perdana Menteri sendiri. Syabas dan tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada seluruh warga Kerja Raya yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan semua program yang telah dijalankan.

5. Sepertimana yang diketahui umum, Kerajaan pada masa kini bergerak ke arah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Aspirasi nasional ini perlu digerakkan secara holistik dan menyeluruh oleh semua pihak tidak kira, pihak Kerajaan, swasta, petani, pesawah, buruh dan juga rakyat. Ini kerana, penglibatan semua pihak sehingga ke akar umbi bagi menganyam perpaduan, keharmonian dan keamanan negara ini menjadi tiang seri kepada kejayaan dan kestabilan berterusan negara ini. Kestabilan dan keamanan ini bukanlah boleh dikecapi hanya dengan keajaiban tongkat sakti, namun lebih kepada pengorbanan dan usaha yang berterusan daripada pemimpin-pemimpin terdahulu dan rakyat. Maka di atas kesedaran itulah, Kerajaan pimpinan YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak

menjunjung gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan'.

6. Pelan induk kepada kesejahteraan rakyat dan kemajuan Negara dalam gagasan 1Malaysia ini dikenali sebagai Dasar Transformasi Nasional yang telah dirangka begitu teliti dengan mengambil kira pandangan dan maklumbalas daripada rakyat serta pendekatan yang holistik dan inklusif. Perencanaan yang rapi dan pelaksanaan berstrategi ini memangkin kepada kejayaan yang telah kita capai setakat ini. YAB Perdana Menteri sendiri telah membentangkan laporan pencapaian Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) pada 2 April yang lalu kepada rakyat yang mana intipatinya adalah pencapaian yang progresif dari apa yang telah direncanakan.

7. Secara perbandingan, pada 2 tahun yang lalu pendapatan perkapita negara adalah RM18,000, tetapi pada tahun ini, ia telah mencecah RM29,000. Ini jelas menunjukkan kita berada di atas landasan yang tepat untuk mencapai pendapatan perkapita sebanyak RM 45,000 pada tahun 2020. Sedikit sebanyak kejayaan yang telah berjaya dicapai ini digalas oleh penjawat awam yang menjadi penggerak dan pelaksana Dasar Kerajaan. Budaya kreatif dan inovatif, ditambah dengan 'Sense of Urgency' yang tinggi memangkin kepada kejayaan ini.

Alhamdulillah, dalam konteks Kementerian ini, suka saya nyatakan bahawa Kementerian Kerja Raya merupakan salah satu daripada tiga (3) Kementerian yang melepasi sasaran utama KPI yang ditetapkan pada tahun lepas. Syabas diucapkan kepada semua yang bertungkus lumus dalam memastikan KPI Kementerian ini tercapai.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Melihat kepada perkembangan terkini secara nasional, tidak hairanlah, Kerajaan pada hari ini adalah Kerajaan yang terbukti mampu menggalas tanggungjawab ini. Lihat sajalah pada tahun 2012 ini, pelbagai inisiatif yang disalurkan kepada rakyat bagi menampung kos sara hidup yang semakin tinggi seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang memanfaatkan hampir 4 juta isi rumah, baucar buku bagi pelajar IPTA dan tingkatan 6, serta pembukaan klinik 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia, Menu Rakyat 1Malaysia dan pelbagai lagi. Inisiatif ini bukannya jelas menunjukkan keprihatinan, rasa tanggungjawab dan petunjuk kepada Kerajaan yang baik serta berkebakikan. Apa yang pasti, setiap yang dilaksanakan adalah sesuatu yang mempunyai impak dinikmati secara terus oleh rakyat.

9. Kemelut penjawat Awam juga telah dirungkaikan oleh YAB Perdana Menteri kita pada 8 Mac yang lalu, di mana Saraan

Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) yang mengundang gundah gulana dan rasa tidak puas hati Penjawat Awam telah dimansuhkan sepenuhnya, dan Sistem Saraan Malaysia (SSM) dikekalkan dengan penambahbaikan. Antara intipati SSM yang ditambah baik ini adalah kadar kenaikan gaji Penjawat Awam adalah berdasarkan apa yang telah dibentangkan pada bajet 2012 iaitu di antara 7-13%. Jadi besarlah harapan saya, supaya penjawat awam khususnya warga Kerja Raya ini akan lebih fokus dan dedikasi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan kerana jangan khuatir, Kerajaan ini adalah Kerajaan yang mendengar jerit perih, rintihan dan denyutan nadi dari segenap lapisan masyarakat dan janji yang dibuat pasti akan dikota

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Industri pembinaan negara sememangnya rancak berkembang dan menjadi antara sektor peneraju utama kepada agenda pembangunan negara dan pemangkin kepada kekuatan ekonomi. Tidak dinafikan, industri ini merupakan antara industri yang mempunyai persaingan yang sangat kompetitif di dunia terutamanya dari aspek persaingan kepakaran dan teknologi. Alhamdulillah, saya berbangga dengan keupayaan kontraktor tempatan yang mampu menembusi pasaran global walaupun

menghadapi persaingan sengit terutamanya dari negara-negara maju. Perkembangan positif terhadap keupayaan kontraktor tempatan kita dapat dilihat apabila ia diktiraf oleh negara luar dengan penganugerahan projek-projek di luar negara. Jika kita lihat pada masa kini, Kontraktor Malaysia telah berjaya menyiapkan 690 bilangan projek pembinaan bernilai RM90.39 billion diperingkat global meliputi 49 buah negara dan 115 buah syarikat tempatan terlibat. Daripada jumlah itu, sebanyak 616 projek bernilai RM57.62 billion telah berjaya disiapkan dan 74 buah projek masih berjalan dengan nilai RM32.76 billion.

11. Melihat akan angka nilai projek ini, dapatlah diterjemahkan bahawa sebenarnya kita memiliki keupayaan untuk terus berkembang di arena global. Sebagai contoh, peluang di negara Timur Tengah seperti Qatar yang sedang pesat menerima ledakan pembangunan infrastruktur bagi membuat persediaan menjadi tuan rumah kejohanan terbesar bagi sukan bola sepak iaitu Piala Dunia FIFA Tahun 2022. Anggaran keseluruhan projek yang ditawarkan mencecah kepada USD160 billion (RM480 billion) dan seharusnya kita mampu untuk merebut peluang yang ada berdasarkan trek rekod yang baik kontraktor Malaysia di negara Timur Tengah.

12. Perkongsian pintar dengan agensi luar seperti Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

(MATRADE) dalam mempromosikan kontraktor ke luar negara dengan menyertai expo di luar negara adalah digalakkan bagi membuka peluang perniagaan dan testimoni kesungguhan serta keupayaan kontraktor tempatan kepada pelanggan global. Pada hemat saya, kita sebagai Kementerian yang bertanggungjawab secara langsung terhadap industri ini perlu terus merencanakan strategi dan menyediakan platform yang terbaik bagi kontraktor negara kita terus berdaya saing dipentas global. Kita perlu memberi sokongan yang mantap dan mengurangkan karenah birokrasi bagi memberi ruang dan peluang yang lebih baik kepada mereka.

13. Kerajaan juga dalam usaha memperkasakan industri pembinaan dengan memperkenalkan Akta Undang-Undang Pembayaran dan Adjudikasi (CIPAA) yang dilihat sebagai sinar baru kepada pemain industri pembinaan, antara lain, bagi menyelesaikan masalah isu kelewatan pembayaran, ketidakbayaran serta ketidakcukupan bayaran yang boleh menjejaskan aliran tunai dalam pelaksanaan projek. Alhamdulillah, Rang Undang-Undang ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 2 April 2012 dan diluluskan oleh Dewan Negara pada 7 Mei 2012. Seterusnya Rang Undang-Undang yang diluluskan ini akan diangkat untuk mendapat perkenan

DYMM Yang di-Pertuan Agung sebelum ia diwartakan. Akta ini dijangka berkuatkuasa pada awal tahun 2013.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Dalam konteks pelaksanaan projek di dalam negara kita, daripada 3,181 projek yang sedang dilaksanakan dibawah *Rolling Plan* ke 2, Rancangan Malaysia Ke 10 (RMKe-10), 2,449 (77%) projek telah pun siap dan diserahkan kepada Kementerian dan agensi pelanggan, manakala sebanyak 732 (23%) projek sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

15. Walaupun JKR telah berjaya menyiapkan dan menyerahkan projek mengikut tempoh masa yang ditetapkan, namun masih lagi terdapat projek-projek yang bermasalah. Sebanyak 93 projek atau 3% dari projek-projek yang dilaksanakan oleh JKR dikategorikan sebagai projek sakit. Projek sakit adalah projek yang mana kemajuan pelaksanaannya mengalami kelewatan samaada melebihi 2 bulan (60 hari lewat) atau 20% kelewatan fizikal dari jadual yang ditetapkan.

16. Di antara sebab-sebab utama projek ini dikategorikan sebagai projek sakit adalah disebabkan oleh masalah

pengurusan dalaman kontraktor yang menyumbang peratusan tertinggi iaitu 77%. Selainnya adalah disebabkan oleh masalah bekalan bahan binaan, masalah tapak dan pengambilan tanah. Terdapat juga masalah pelanggan seperti perubahan pelan, skop dan terdapat masalah teknikal dari segi rekabentuk, pengalihan utiliti dan masalah cuaca di luar jangka.

17. Walau apa pun masalah yang dihadapi, saya yakin sekiranya pemantauan yang rapi sudah pasti dapat merapatkan jurang kelewatan atau masalah yang dihadapi oleh sesuatu projek. Oleh itu, sebagai pegawai penguasa projek, pihak JKR perlu memainkan peranan sebagai pihak yang membantu pihak kontraktor untuk menyiapkan kerja. Peranan sebagai pegawai perunding untuk meneliti permasalahan yang berlaku di tapak dan langkah-langkah yang perlu di ambil bagi mengatasi masalah. Pihak JKR perlu membimbing dan membantu supaya pihak kontraktor dapat menyediakan Rancangan Pemulihan (*Recovery Plan*) yang realistik, seperti menambah bilangan pekerja, tambahan masa waktu bekerja, menambah bilangan jentera dan peralatan di tapak.

18. Namun, sekiranya langkah-langkah penyelesaian dan bimbingan masih tidak menunjukkan kesan yang positif atau tanda-tanda projek dapat disiapkan seperti yang telah

dijadualkan, saya berharap agar JKR tidak teragak-agak mengambil tindakan lebih tegas seperti mengeluarkan surat amaran atau Notis Untuk Tujuan Penamatan Kerja bagi projek-projek yang bermasalah. Sekiranya tiada kemajuan setelah berulang kali amaran diberikan, barulah kontrak antara Kerajaan dengan kontraktor berkenaan ditamatkan. Ini menunjukkan Kerajaan pada masa ini amat prihatin dengan kontraktor-kontraktor yang menghadapi masalah dalam pelaksanaan projek. Namun Kerajaan juga perlu mengutamakan rakyatnya yang sudah pasti akan mendapat kesan yang negatif apabila projek lewat disiapkan atau terbengkalai.

19. Oleh itu adalah mustahak supaya semua pihak baik KKR, JKR, LLM dan CIDB dapat berganding bahu untuk memastikan kontraktor yang layak dan berkeupayaan dilantik untuk melaksanakan projek-projek yang dirancang agar dapat disiapkan dengan kualiti dan mengikut tempoh yang ditetapkan. Ini adalah penting dalam memastikan rakyat dapat menikmati manfaatnya dan imej Kementerian dan Kerajaan tidak terjejas.

Hadirin yang dihormati sekalian.

20. Sistem rangkaian lebuhraya yang bersepadu berupaya

membantu meningkatkan produktiviti sektor perniagaan dan perdagangan dengan menyediakan akses yang lebih baik. Justeru itu, suka saya maklumkan di sini bahawa, sebahagian jajaran Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) dari Persimpangan Ajil hingga ke Persimpangan Telemung sepanjang 21 Kilometer telah dibuka kepada pengguna pada 18 Mei yang lalu. Pembukaan jajaran ini telah melengkapkan Pakej 10 LPT2 dari persimpangan Kuala Terengganu sehingga Persimpangan Bukit Besi sepanjang 72.6 kilometer.

21. Di samping itu juga, Insyaallah saya akan merasmikan pembukaan Seksyen 2 bagi Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE) pada 29 Mei 2012 ini. Pembukaan Seksyen 2 SKVE ini yang menghubungkan Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE) ke Pelabuhan Barat, Pulau Indah akan memendekkan jarak perjalanan daripada Putrajaya ke Teluk Panglima Garang, Banting kepada 40 kilometer berbanding 70 kilometer sebelumnya.

22. Dengan pembukaan fasa terbaru bagi lebuhraya tersebut bukan sahaja dapat memendekkan jarak perjalanan, malahan membantu menyuraikan aliran trafik dan mengurangkan kesesakan jalan terutamanya ketika waktu puncak. Impaknya

juga dapat dilihat kepada kawasan sekitarnya yang mana dengan jaringan lebuh raya yang lebih baik akan menjadi batu loncatan kepada pembangunan persekitaran kawasan sepanjang koridor lebuh raya tersebut seterusnya merancakkan kegiatan ekonomi setempat.

Hadirin yang dihormati sekalian.

23. Tidak dinafikan Kementerian Kerja Raya sememangnya mempunyai hubungan secara langsung dan sangat rapat dengan rakyat. Sebagai agensi yang terlibat dalam membina dan menyelenggara jalan raya, bangunan, jambatan, lebuh raya, sudah tentunya kita tidak akan terlepas daripada fikiran orang ramai. Bahkan saya amat yakin sekali, *output* dan perkhidmatan yang diberikan juga sentiasa diperhatikan. Justeru itu, ia mencetus pelbagai persepsi dan reaksi terhadap '*end product*' yang dihasilkan oleh keluarga Kementerian ini.

24. Oleh itu, apabila kita menerima reaksi ataupun aduan daripada orang ramai ini menunjukkan masih berlaku ketidakakuran terhadap kualiti perkhidmatan kita, Justeru, penambahbaikan segera secara berterusan adalah amat perlu untuk memperbaiki kelemahan dan seterusnya dapat

mempertingkatkan kualiti projek-projek di bawah Kementerian. Berdasarkan rekod pada tahun 2011, Kementerian Kerja Raya telah menerima sebanyak 6,130 aduan awam di mana sebanyak 1,827 atau 29.80 peratus aduan adalah melibatkan kerosakan jalan raya, permohonan menaik taraf jalan, membina jalan-jalan baru dan sebagainya. Manakala bagi bulan Januari – April 2012 pula sebanyak 2,696 aduan telah diterima melibatkan pelbagai aspek perkhidmatan kita. Jumlah terimaan aduan KKR adalah yang kedua tertinggi di semua kementerian.

25. Secara matematiknya, apabila jumlah aduan tinggi, maka tinggilah ketidakakuran mahupun kelemahan dalam sesuatu produk atau perkhidmatan kita. Walaupun begitu, bagi saya jumlah aduan yang diterima tidak penting tetapi apa yang lebih perlu difikirkan adalah bagaimana aduan tersebut diambil tindakan pembetulan dan langkah pencegahan supaya ianya tidak berulang. Ini adalah cabaran dan tanggungjawab kita semua di kementerian ini bagi memastikan kualiti penyampaian kita berada di tahap yang terbaik dan bukan sahaja memenuhi malah menjangkau ekspektasi pelanggan.

26. Bagi isu aduan di KKR, sebenarnya aduan-aduan yang melibatkan dasar seperti memohon tol dikurangkan mahupun dihapuskan, memohon pembesaran jalan, jambatan dan

sebagainya adalah aduan yang tidak mungkin dapat diselesaikan dengan tempoh 3 hari mahupun 15 hari. Aduan bersifat permintaan sebegini memerlukan masa kerana ia melibatkan perancangan dan bajet yang tinggi. Namun tidak bermakna semua aduan tersebut tidak didengari. Sebagai contoh, kerajaan telah menutup beberapa plaza tol seperti Plaza Tol Metramac dan yang terbaru Plaza Tol Cheras-Kajang dan ini membuktikan kerajaan mendengar suara rakyat dan prihatin terhadap masalah yang mereka bangkitkan.

27. Bagi saya penyelesaian aduan bukan setakat di atas kertas semata-mata tetapi ianya perlu selari dengan tindakan pembetulan dan pemantauan berterusan dengan apa jua mekanisme yang dipraktikan. Barangkali stigma kerja lama dan lapok yakni 'rakyat datang ke pejabat mencari perkhidmatan' perlu diubah. Kitalah sebenarnya yang perlu '**merakyatkan perkhidmatan kita**', keluar mencari pelanggan, bergerak secara aktif, mengenali, kenalpasti dan dengari kemahuan mereka. Lantaran itu, para pengarah, pengurus mahupun pegawai pemantau perlulah kerap turun padang melakukan '*engagement*' dengan pihak berkaitan bagi memastikan setiap projek yang dilaksanakan memenuhi piawaian yang ditetapkan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

28. Sejak saya memegang jawatan sebagai Menteri yang bertanggungjawab terhadap Kementerian ini, sering saya nyatakan bahawa Kementerian ini adalah sumber pakar teknikal yang terbesar di negara kita dan seharusnya menjadi pelaksana tunggal projek-projek pembangunan infrastruktur negara. Namun, masih ada projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kementerian masing-masing, yang diketahui umum tidak mempunyai kepakaran sepertimana Kementerian kita.

29. Lantaran itu, bagi memantapkan pelaksanaan projek-projek Kerajaan, dan memastikan supaya JKR mengambil alih pelaksanaan projek kerja atau pembangunan fizikal, Kerajaan telah bersetuju supaya semua pegawai kader JKR yang terlibat dengan pengurusan dan pelaksanaan projek di Kementerian/Agensi yang lain akan ditempatkan semula di Ibu Pejabat JKR. Justeru itu, pegawai kader JKR di agensi-agensi hanya akan terlibat dengan pelaksanaan projek-projek kecil, khidmat nasihat dan penyelenggaraan di Kementerian/Agensi. Penempatan semula perjawatan pegawai kader ke JKR adalah dianggarkan seramai 500 orang yang akan dijalankan secara berperingkat dan dijangka akan mengambil masa selama 2 tahun. Ini akan memangkin kepada pemantapan modal insan di JKR

sendiri dan memastikan kelangsungan legasi perkhidmatan teras kita.

Hadirin yang dihormati sekalian,

30. Dalam menyelusuri kehidupan ini, sudah pasti banyak rintangan dan halangan yang akan cuba menggagalkan kita. Pasti ada suara-suara sumbang yang menempelak, membisikkan kata tidak enak untuk melemahkan semangat dan keazaman yang telah terbina. Tetapi jangan diendahkan selagi kita tetap berpegang teguh dengan halatuju, aspirasi dan perancangan yang telah direncanakan. Di kesempatan ini juga, saya ingin nyatakan, lihatlah dengan mata yang terbuka dan nilailah hasil yang telah dikecapi. Kerajaan yang ada pada masa ini adalah yang terbaik dalam mengekalkan apa yang kita kecapi dan ia juga adalah yang terbaik bagi meneruskan momentum kejayaan yang lebih gemilang di masa hadapan. Jangan hanya kerana percayakan momokan daripada pihak-pihak yang tidak terbukti keupayaannya, kita terus goyah dan sanggup menggadaikan masa depan kita dan negara yang dicintai ini.

31. Akhir kata, marilah kita bersama-sama mengeratkan kerjasama, persefahaman dan menggembelngkan tenaga,

mengeluarkan idea-idea inovatif dan kreatif untuk kemajuan dan kejayaan bukan sahaja milik kita, tetapi yang lebih penting untuk anak-anak kita, generasi yang akan datang. Semoga Seluruh Warga Kerja Raya akan mengintegrasikan semangat yang tinggi dan berkobar-kobar untuk menyumbang sesuatu yang boleh mengekalkan kelestarian perkhidmatan Kementerian ini serta Jabatan dan Agensi keseluruhannya.

32. Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2011. Tidak lupa juga kepada Pihak Urusetia Majlis yang telah bertungkus lumus dalam memastikan Majlis ini dapat diadakan. Teruskan kecemerlangan dan bertekadlah untuk jadi lebih cemerlang di masa akan datang.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih